

BADAN

KHAS

13H 26 FEB 1977

DITUBUH

KUALA LUMPUR, Jumaat — Mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyelarasan Penyeretaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian hari ini telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk memudahkan lagi tugas-tugas perancangan jawatankuasa itu.

Jawatankuasa kerja ini dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad yang juga menjadi pengerusi ja-

watankuasa penuh.

Dr. Mahathir memberitahu sidang akhbar petang ini, bahawa beliau akan melantik beberapa orang menteri dan Menteri-menteri Besar serta Ketua Menteri duduk dalam jawatankuasa kerja tersebut.

Katanya, mesyuarat berpendapat jawatankuasa kerja ini perlu untuk memudahkan lagi tugas jawatankuasa penuh terutama dalam membincangkan sesuatu perkara secara detail.

Menurut Dr. Mahathir, mesyuarat hari ini juga telah membincangkan dan menentukan perjalanan jawatankuasa tersebut, cara-cara ia akan menjalankan tugas serta tugas-tugas jawatankuasa yang sama diperingkat negeri.

Selain dari itu, ia juga telah menentukan untuk memasukkan Menteri-menteri yang terlibat dalam soal penyeretaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian duduk sebagai ahli jawatankuasa.

Menurut beliau, antara Menteri-menteri yang akan diminta duduk dalam jawatankuasa ini ialah Menteri Pertanian dan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah.

Sebelum ini, Menteri-menteri yang dipanggil duduk dalam jawatankuasa ini ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Menteri Kewangan, Menteri Perusahaan Awam dan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam.

Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa mesyuarat hari ini juga telah membincangkan mengenai kedudukan sebenar dan apa yang telah dicapai oleh Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian setakat ini dan juga sehingga tahun 1990.

Nilai

Jawatankuasa ini kemudian akan menyediakan sebuah kertaskerja untuk menilaikan kedudukan itu bagi membolehkan tindakan diambil di masa akan datang.

Menurut Dr. Mahathir, pada semua pihak ketika ini masih belum puas hati dengan keadaan yang dicapai oleh Bumiputra dalam bidang ini.

Menurut beliau, jawatankuasa ini berharap akan mengadakan mesyuarat paling kurang tiga kali setahun iaitu ketika diadakan sidang Majlis Raja-raja.